

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT SEMARAKKAN HARI KEBANGSAAN 2025, BANTU 50 KELUARGA VETERAN ATM, PESARA POLIS DAN RAKAN MEDIA

22 OGOS 2025, Kuala Lumpur - Sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-68 bertemakan "Malaysia Madani: Rakyat Disantuni", Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) meraikan hari penuh bermakna ini dengan **menyalurkan sumbangan bernilai RM30,000 kepada 50 keluarga** veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), pesara Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan kakitangan media yang memerlukan.

Sumbangan ini adalah tanda penghargaan terhadap jasa dan pengorbanan para wira negara serta sokongan kepada keluarga dalam kalangan asnaf, B40 dan pesakit kronik yang memerlukan bantuan. Selain wang tunai, Bank Muamalat turut melaksanakan program "**Kongsi Rezeki bersama Wira Negara**", di mana kakitangan Bank sendiri menyumbang pek makanan asas kering untuk diagihkan kepada keluarga veteran.

Bagi menyemarakkan semangat perpaduan sempena 68 tahun kemerdekaan negara, Bank Muamalat turut mengadakan pelbagai program menarik antaranya Perhimpunan Sambutan Hari Kebangsaan 2025 yang disertai oleh kakitangan bank di mana ia berlangsung meriah dan penuh semangat patriotik. Bank Muamalat turut mengedarkan Jalur Gemilang kepada orang awam sebagai simbol perpaduan dan semangat cintakan tanah air.

Bank Muamalat juga menganjurkan peraduan '*Follow dan Menang Bangga Malaysia*' di media sosial, memberikan peluang kepada peserta untuk memenangi hadiah utama iaitu sebuah telefon pintar iPhone 16E. Aktiviti itu dirangka untuk menggalakkan rakyat Malaysia menzahirkan rasa bangga dan cintakan negara melalui platform digital.

Melalui inisiatif-inisiatif ini, Bank Muamalat melihat Hari Kebangsaan sebagai medium penting untuk memperkuuh perpaduan rakyat pelbagai latar belakang, sekaligus memupuk masyarakat yang lebih harmoni dan sejahtera. Pada masa yang sama, Bank turut menyatakan **solidariti terhadap perjuangan rakyat Palestin dengan menyeru masyarakat agar terus mendoakan keselamatan, keamanan, dan kemerdekaan Palestin**.

Khairul Kamarudin, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, berkata "Hari Kebangsaan bukan sekadar sambutan, tetapi peringatan akan pengorbanan generasi terdahulu serta amanah kita untuk membina masa depan Malaysia yang lebih makmur dan bersatu. Melalui sumbangan kepada veteran ATM, pesara PDRM dan rakan media, Bank Muamalat ingin menzahirkan penghargaan kepada mereka yang telah banyak berjasa.



KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

Pada masa yang sama, kami percaya semangat patriotisme dan kebersamaan yang ditonjolkan hari ini menjadi pemangkin kepada usaha Bank Muamalat untuk membawakan '*Kehidupan Lebih Baik, Bersama*' kepada masyarakat."

Untuk maklumat lanjut mengenai program tanggungjawab sosial korporat Bank Muamalat, sila layari laman sesawang Bank Muamalat di www.muamalat.com.my atau ikuti laman media sosial Bank Muamalat.

TAMAT

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384

Hawa Ali | siti.norhawa@muamalat.com.my | +6019 239 2077

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejarah dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.